

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: TAHAP PENGETAHUAN DAN PERSEPSI PENGGUNA TERHADAP LABEL NUTRISI

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS MAKANAN DGN KEPUSIAN (TEKNOLOGI MAKANAN DAN BIO PROSES)
SESI PENGAJIAN: 2006 - 2010

Saya DELLA JAMES BAE'E

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPS/ Sarjana/ Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

JAMIUM MICHEAL

LIBRARIAN

LITERARY

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: SL 90 TMN SENTOSA

BT 8 1/2 JLN PENRISEN

UAMA, 93250, KCH, SRWK

CIK ADILAH MD. RAMLI

Nama Penyelia

Tarikh: 27/05/10

Cik Adilah Md. Ramli

Tarikh: 27/05/2010



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organsasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, ata disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

**TAHAP PENGETAHUAN DAN PERSEPSI
PENGGUNA TERHADAP LABEL NUTRISI**

DELLA JAMES BAE'E

**LATIHAN ILMIAHINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
MAKANAN DENGAN KEPUJIAN
(TEKNOLOGI MAKANAN DAN BIOPROSES)**

**PROGRAM SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2010**




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

26 MEI 2010



Della James Bae'e

HN2006-5041



PENGESAHAN

NAMA : DELLA ANAK JAMES BAE'E

NO.MATRIK : HN2006-5041

TAJUK : TAHAP PENGETAHUAN DAN PERSEPSI PENGGUNA
TERHADAP LABEL NUTRISI

IJAZAH : SARJANA MUDA SAINS MAKANAN DENGAN
KEPUJIAN (TEKNOLOGI MAKANAN & BIOPROSES)

TARIKH VIVA : 14 MEI 2010

DISAHKAN OLEH

Tandatangan

1. PENYELIA

CIK ADILAH MD. RAMLI

2. PEMERIKSA 1

DR. YASMIN OOI BENG HOU

3. PEMERIKSA 2

PUAN SHALAWATI@SALWA IBRAHIM

4. DEKAN

PROF. MADYA DR. MOHD ISMAIL ABDULLAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin bersyukur kepada Tuhan yang memberi petunjuk, kekuatan, kesabaran dan kesihatan supaya saya dapat menjalankan projek tahun akhir ini dengan sempurna dan dapat menyiapkan laporan projek ini dengan jayanya.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Cik Adilah Md. Ramli ke atas komitmennya yang tidak pernah pudar untuk membantu dan member tunjuk ajar serta membimbing saya dalam proses menghasilkan penulisan ini. Penghargaan juga turut ditujukan kepada semua pensyarah Sekolah Sains Makanan Dan Pemakanan yang terlibat secara lansung atau tidak lansung dalam memberi bantuan kepada saya dalam penghasilan projek ini. Jasa baik kalian akan dikenangi buat selama-lamanya.

Ribuan terima kasih turut diberikan kepada pengurusan Pasaraya One Borneo dan Pengurusan Giant Indah Permai kerana sudi membenarkan saya melakukan soal-selidik kajian di tempat-tempat tersebut.

Juga kepada kedua-dua ibu-bapa dan adik-adik saya, terima kasih di atas segala dorongan dan kasih saying yang diberikan. Kejayaan yang ada pada hari ini adalah berkat irungan doa dari kalian semua. Tidak dilupakan teman-teman yang sentiasa berada di sisi baik senang ataupun susah, terima kasih diucapkan.

Della James Bae'e

26 Mei 2010

HN2006-5041

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan tentang perlabelan nutrisi di kalangan pengguna, mengkaji faktor penggunaan label nutrisi di kalangan pengguna dalam pembelian produk makanan dan mengkaji persepsi pengguna terhadap label nutrisi. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji sama ada wujudnya hubungan antara penggunaan label nutrisi dan persepsi pengguna terhadap perlabelan nutrisi. Lokasi kajian ialah dua buah Pasaraya Giant di kawasan sekitar kawasan Sepanggar iaitu Pasaraya Giant One Borneo dan Pasaraya Giant Indah Permai. Seramai 400 responden yang berumur 18 tahun keatas telah diperoleh. Hasil kajian menunjukkan 45.2% (N=181) responden adalah kaum lelaki dan 54.8% (N=54.8) adalah perempuan. Tahap pengetahuan responden terhadap pelabelan nutrisi boleh dikatakan pada tahap baik. Kebanyakkhan responden dapat menjawab 10-12 soalan pengetahuan dengan betul (46%, N= 184). Peratusan responden yang membaca label nutrisi semasa membeli produk makanan ialah 78.2%. Pengguna cenderung untuk merujuk maklumat tenaga (80%) pada label nutrisi. Persepsi pengguna terhadap label nutrisi boleh dipercayai, tepat dan senang difahami. Terdapat hubungan kolerasi yang sangat lemah diantara persepsi pengguna dengan kekerapan penggunaan label nutrisi ($r=-0.27$, $p=0.52$). Hasil kolerasi yang lemah juga diperoleh untuk hubungan diantara tahap pengetahuan responden dan label nutrisi amat berguna semasa pembelian produk makanan ($r=-0.368$, $p=0.000$). Kesimpulannya , tahap pengetahuan pengguna pada tahap baik, pengguna cenderung untuk merujuk maklumat tenaga pada label nutrisi, dan hubungan antara penggunaan label nutrisi adalah tidak bersignifikan dengan persepsi.

ABSTRACT

CONSUMER KNOWLEDGE AND PERCEPTION ON NUTRITIONAL LABELLING

This research was conducted to evaluate consumers' knowledge on nutrition labelling, consumers' factor of using nutrition labelling during purchasing food product and consumers' perception on nutrition labelling. This research also conducted to evaluate relationship between nutritional labelling use and consumers' perception on nutritional labelling. Location for this research was at Pasaraya Giant One Borneo and Pasaraya Giant Indah Permai. A total of 400 respondents age range from 18 and above were chosen. It was total 45.2% (N=181) respondent was male and 54.8% (N=54.8) was female. Knowledge among respondent were overall good. Most of them can answered 10-12 question on knowledge correctly (46%, N= 184). Percentage of respondent using nutritional labelling during purchased is 78.2%. They are more likely to refer energy (80%). Consumers' perception on nutritional labelling are nutritional labelling can be truthfulness, accurate and easy to understand. The correlation relationship between consumers' perception and frequency of usage of nutritional labeling are very weak ($r=-0.27$, $p=0.52$). Results shows there weak relationships between consumers' knowledge and usefulness of nutritional labelling during purchasing food products ($r=0.368$, $p=0.000$). In conclusion, consumers' knowledge are good, consumers tend to refer energy information in nutritional labelling and relationships between nutritional labelling are not significant with perception.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN	
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN	6
2.1 Pelabelan Nutrisi	6
2.1.1 Faedah Kepada Pengguna	7
2.1.2 Pelabelan Nutrisi di Malaysia	11
2.2 Pengaruh Pengetahuan dalam Penggunaan Label Nutrisi	14
2.2.1 Pengetahuan Nutrisi	14
2.2.2 Pengetahuan Kesihatan	16
2.2.3 Pengetahuan Penggunaan Label Nutrisi	17
2.3 Definisi Sikap	18
2.3.1 Pengaruh Sikap Keatas Penggunaan Label Nutrisi	19
2.3.2 Sikap Terhadap Nutrisi dan Kesihatan	20
2.3.3 Sikap Terhadap Label Nutrisi	20
2.3.4 Persepsi Pengguna Terhadap Pelabelan Nutrisi	20
2.4 Faktor-faktor Mempengaruhi Penggunaan Label Nutrisi	21
2.5 Keutamaan Jenis-jenis Maklumat Nutrisi Oleh Pengguna	24



BAB 3 BAHAN DAN KADEAH	26
3.1 Responden	26
3.2 Lokasi Kajian	26
3.3 Instrumen Kajian	27
3.4 Pra-tinjauan	28
3.5 Analisis Data	29
BAB 4 HASIL DAN PERBINCANGAN	31
4.1 Demografi Responden	31
4.2 Tahap Pengetahuan Pengguna Tentang Pelabelan Nutrisi	33
4.2.1 Hubungan Pengetahuan Dengan Tahap Pendidikan	34
4.2.2 Pengetahuan Pengguna Tentang Maksud Label Nutrisi	36
4.3 Respon Merujuk Label Nutrisi Antara Individu	38
4.3.1 Hubungan Taraf Pendidikan Dengan Penggunaan Label Nutrisi oleh Pengguna	42
4.3.2 Maklumat Utama Yang Dirujuk oleh Pengguna	43
4.3.3 Jenis Maklumat yang Sering Dirujuk Berdasarkan Jantina	45
4.3.4 Pengguna dan Penggunaan Jenis Komponen yang Terdapat Dalam Label Nutrisi	46
4.3.5 Hubungan Pendapatan dan Umur Dengan Penggunaan Label Nutrisi	49
4.3.6 Sebab-sebab Tidak Membaca Label	50
4.4 Persepsi Pengguna Terhadap Pelabelan Nutrisi	53
4.5 Hubungan antara penggunaan label nutrisi dan persepsi pengguna terhadap pelabelan nutrisi.	57
BAB 5 KESIMPULAN	61
RUJUKAN	65
LAMPIRAN	73

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Pelabelan Nutrisi	13
4.1	Ciri-ciri demografi responden	32
4.2	Kekerapan jumlah skor responden berdasarkan tahap pendidikan	35
4.3	Frekuensi responden menjawab soalan pengetahuan pelabelan nutrisi dengan betul	37
4.4	Frekuensi responden menjawab maksud pelabelan nutrisi	37
4.5	Frekuensi responden menjawab soalan nutrien yang wajib diisyiharkan mengikut tahap pendidikan	38
4.6	Frekuensi responden yang membaca label nutrisi dalam pembelian mengikut tahap pendidikan	39
4.7	Frekuensi mengikut jantina dengan kekerapan merujuk label nutrisi semasa pembelian	41
4.8	Frekuensi maklumat utama yang dirujuk oleh pengguna semasa membuat keputusan untuk membeli sesuatu produk	44
4.9	Frekuensi penggunaan jenis maklumat yang spesifik mengikut jantina	45
4.10	Frekuensi responden dalam faktor yang mempengaruhi pembelian produk makanan	48
4.11	Frekuensi dengan penggunaan jenis komponen yang terdapat dalam label nutrisi	48
4.12	Frekuensi pengguna berdasarkan sebab-sebab kenapa tidak merujuk label nutrisi	52
4.13	Nilai min skor ordinal bagi persepsi pengguna	56

4.14	Frekuensi persepsi label nutrisi berguna mengikut penggunaan label nutrisi	58
4.15	Frekuensi persepsi maklumat yang dipaparkan mudah difahami mengikut penggunaan label nutrisi	59
4.16	Frekuensi persepsi maklumat yang dipaparkan boleh dipercayai mengikut kekerapan penggunaan label nutrisi	60

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
Rajah 4.1	Jumlah skor responden terhadap pengetahuan pelabelan nutrisi	34
Rajah 4.2	Frekuensi responden membaca label nutrisi dalam pembelian produk mengikut jantina	41
Rajah 4.3	Peratusan pengguna memilih tarikh luput mengikut umur	50
Rajah 4.4	Sebab-sebab responden tidak membaca label makanan mengikut jantina	53
Rajah 4.5	Frekuensi persepsi responden terhadap pelabelan nutrisi	54

SENARAI SIMBOL

%	Peratusan
>	Lebih besar
<	Lebih kecil
\leq	Sama dengan atau lebih kecil
r	Kolerasi Pearson
p	Nilai signifikan
χ^2	Min kuasa dua
df	Darjah kebebasan

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Halaman
A Nilai Rujukan Nutrien (NRV)	73
B Borang Soal Selidik	74
C Contoh Label Nutrisi	82
D Data SPSS	83

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Pengguna kini menunjukkan minat yang mendalam dan lebih prihatin terhadap produk makanan yang dibeli dan digunakan. Mereka menjadi lebih berpengetahuan mengenai diet dan kesihatan serta sedar akan keperluan makanan yang berkhasiat dalam kehidupan harian mereka. Berikutan daripada perubahan sikap pengguna ini, permintaan terhadap produk makanan yang berkualiti dan berasaskan kesihatan kian meningkat. Pengguna lebih cenderung untuk mengumpul maklumat mengenai makanan yang mereka beli melalui pelbagai sumber. Maklumat mengenai kandungan nutrisi dan kebaikan kesihatan boleh didapati pada label pemakanan sesebuah produk (Hawkes,2004).

Kini, kesedaran tentang kepentingan hubungan antara maklumat pemakanan dengan makanan dalam bungkusan mula meningkat di kalangan pengguna (Siu & Tsoi, 1998). Label pemakanan bukan sahaja berfungsi sebagai satu saluran yang menunjukkan ciri-ciri pemakanan sesebuah produk makanan membolehkan pengguna membuat pilihan makanan dan juga berfungsi mewujudkan permintaan terhadap produk makanan yang berkhasiat dan menggalakkan persaingan ke atas kualiti pemakanan (Baltas, 2001).

Pelabelan nutrisi adalah suatu penyenaraian amaun nutrien sebagaimana yang dipaparkan pada label makanan. Ianya bertujuan untuk membekalkan maklumat yang benar mengenai kandungan pemakanan sesuatu produk (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,2005). Pelabelan makanan yang tepat memainkan peranan penting dalam bidang pemasaran dan pengedaran makanan,

iaitu membekalkan maklumat kepada pengguna di samping bermanfaat dalam penjualan (Ottaway, 2003)

1.2 Perkembangan Label Pemakanan di Malaysia

Pengeluar makanan dan pengedar tempatan berpegang pada Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985, yang melindungi orang ramai terhadap bahayanya di segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005). Sebelum tahun 2005, tidak terdapat sebarang persamaan dari segi format label pemakanan di Malaysia untuk memperakukan kandungan nutrien dalam makanan dan kadang-kala kesilapan wujud pada pelabelan nutrien itu.

Pada masa sebelum tahun 2005, Peraturan-Peraturan Makanan tidak mewajibkan pelabelan pemakanan bagi produk makanan, kecuali untuk makanan bertujuan khas contohnya rumusan bayi dan makanan berasaskan bijiran untuk bayi dan kanak-kanak dan makanan yang diperkaya atau diperkuat (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005). Meskipun sebelum ini, secara faktanya pelabelan pemakanan adalah tidak diwajibkan bagi semua produk, banyak pengeluar makanan telah mengambil inisiatif untuk meletakkan label pemakanan pada produk mereka.

Namun, disebabkan tiada garis panduan pelabelan pemakanan yang spesifik daripada pihak berkuasa, maka tiada format yang standard bagi label makanan. Akibatnya, setiap pengeluar mengikuti format mereka sendiri di dalam menyenaraikan nutrien. Kesemua ini telah menyebabkan kekeliruan di kalangan para pengguna. Disebabkan ketidakseragaman label pemakanan dan pelbagai akuan, para pengguna tidak dapat menggunakan sepenuhnya maklumat yang disediakan apabila membeli produk makanan (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005).

Untuk memanfaatkan kedua-duan pihak pengguna dan pihak industri, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat pindaan kepada Peraturan-peraturan Makanan 1985 dengan mewartakan sembilan peruntukan draf baru berkenaan dengan pelabelan pemakanan dan akuan pemakanan yang disediakan oleh Jawatankuasa Kerja Pemakanan, Akuan Kesihatan dan Pengiklanan pada 31 Mac 2003 dan pindaan tersebut dikuatkuasakan pada 30 Jun 2005.

Hasil daripada pindaan tersebut, pelabelan pemakanan hanya wajib untuk tujuh kumpulan makanan sahaja iaitu makanan bijiran tersedia dan roti, hasil susu, konfeksi tepung, daging, ikan dan sayur berkaling/dalam tin, buah berkaling/dalam tin dan pelbagai jus buah, sos salad dan mayonis serta minuman ringan. Nutrien yang wajib diisyiharkan pada label pemakanan ialah tenaga, protein, karbohidrat dan lemak. Selain itu, jumlah gula mesti diisyiharkan bagi minuman yang sedia diminum termasuk minuman ringan, jus buah-buahan dan jus sayuran, susu malt dan susu berperisa yang sedia diminum (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005).

1.3 Pengguna

Pengguna ialah setiap orang yang mendapatkan barang dan perkhidmatan dari pasaran untuk kegunaan dirinya dan keluarganya. Secara mudah pengguna dan konsep kepenggunaan ini dalam konteks yang paling mikro iaitu diri kita sendiri. Setiap individu merupakan pengguna tanpa mengira siapa sebenarnya kedudukan mereka dalam masyarakat sekeliling. Sebahagian besar dari apa yang mereka gunakan adalah hasil usaha orang lain sama ada dalam bentuk barang atau perkhidmatan (Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, 2007).

Mengikut Peter Drucker, seorang penulis terkemuka dalam bidang pengurusan, kepenggunaan bermaksud pengguna berminat terhadap barang

tetapi tidak memahami hakikat sebenar keperluan pengguna. (Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, 2007). Pengguna memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara kerana tujuan pengeluaran barang atau perkhidmatan hanyalah satu iaitu pengguna.

Pengeluar atau penjual memerlukan maklumat-maklumat tentang apakah dorongan –dorongan yang membuat pengguna memilih dan membeli barang atau perkhidmatan tertentu. Pengguna yang dimaksudkan di sini adalah pengguna akhir(*ultimate consumer*) kerana di pasaran terdapat juga pembeli yang barang itu semula atau pembeli bahan mentah yang memerlukan pemprosesan sebelum dijual kepada pengguna akhir (Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, 2007).

1.4 Rasional

Kajian penggunaan label pemakanan di negara Asia terutamanya negara-negara ASEAN kurang dijalankan kerana kebanyakannya negara ASEAN masih baru dalam pelaksanaan peraturan-peraturan pelabelan pemakanan pada pelbagai makanan, (Corinna, 2004). Walaupun Malaysia mempunyai format dan kandungan pelabelan pemakanan tersendiri, hanya terdapat beberapa kajian tentang penggunaan label pemakanan tersebut pernah dikendalikan oleh pelajar-pelajar siswazah (Tee, 2007).

Pengguna yang berpengetahuan dalam penggunaan label pemakanan cenderung menggunakan label pemakanan semasa pembelian makanan (Gracia *et al.*, 2007). Namun, mereka yang berpengetahuan juga tidak semestinya akan mempraktikkan penggunaan label pemakanan (Nayga, 2000). Melalui ujian tahap pengetahuan pengguna ini, dua perkara iaitu sama ada pengguna label pemakanan mempunyai tahap pengetahuan tentang perlabelan nutrisi yang tinggi dan sama ada kekurangan pengetahuan merupakan salah satu penghalang untuk

pengguna mengamalkan penggunaan label nutrisi semasa membuat keputusan pembelian makanan akan diketahui.

Walaupun pengetahuan mempunyai hubungan dengan perlakuan pembacaan label pemakanan, kesannya dipengaruhi oleh sikap pengguna (Misra, 2007). Tambahan pula, setakat mana pengguna memandangkan peranan label nutrisi sebagai salah satu alat komunikasi masih tidak jelas. Oleh itu, kajian terhadap persepsi pengguna terhadap label nutrisi tidak boleh diabaikan.

1.5 Objektif

1. Mengkaji tahap pengetahuan tentang pelabelan nutrisi di kalangan pengguna.
2. Mengkaji faktor penggunaan label nutrisi di kalangan pengguna dalam pembelian produk makanan.
3. Mengkaji persepsi pengguna terhadap label nutrisi.
4. Mengkaji sama ada wujudnya hubungan antara penggunaan label nutrisi dan persepsi pengguna terhadap pelabelan nutrisi.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Responden

Borang soal selidik diedarkan kepada pengguna yang berumur sekitar 18 hingga 60 tahun ke atas. Kajian terdahulu yang dijalankan di Malaysia dan China memilih responden berumur di antara 25-35 tahun dan 45-60 tahun kerana mereka merupakan pembeli barang runcit utama dalam keluarga (AFIC, 2006). Satu lagi kajian di Hong Kong menunjukkan bahawa pengguna label pemakanan kebanyakannya daripada golongan yang berumur di antara 35-54 tahun (Siu & Tsoi, 1998). Responden yang berumur 18 tahun kebawah tidak dipilih kerana kebanyakkan mereka masih merupakan pelajar sekolah menengah dan tidak berpendapatan tetap. Penerangan mengenai tujuan kajian dan arahan menjawab soalan diberikan sebelum responden menjawab soalan. Seramai 450 orang pengguna telah dipilih secara rawak. Prosedur persampelan rawak mudah digunakan. Daripada jumlah ini, hanya seramai 400 orang pengguna dianggap sebagai responden kerana pengguna yang lain didapati menjawab borang soal selidik secara sambil lewa.

3.2 Lokasi kajian

Lokasi kajian ialah dua buah Pasaraya Giant di kawasan sekitar kawasan Sepanggar yang mempunyai populasi penduduk seramai 31,173 orang iaitu Pasaraya Giant One Borneo dan Pasaraya Giant Indah Permai. Lokasi dipilih kerana, kedua – dua pasaraya tersebut terletak di kawasan tumpuan penduduk sekitar Sepanggar. Sepanggar mempunyai statistik penduduk seramai 31,173 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah,2000).

pengguna meningkat, seperti mana permintaan mereka terhadap makanan berkhasiat di pasaran. Pelabelan pemakanan adalah suatu cara yang sangat berkesan bagi industri makanan untuk menyumbang secara aktif dalam mempromosikan cara hidup sihat di kalangan pengguna yang semakin peka dan mempunyai kesedaran tentang kesihatan (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005).

Penggunaan aditif makanan di kawal oleh undang-undang. Kebanyakkan pengguna mengambil ringan akan kehadiran aditif makanan di dalam makanan mereka. Akan tetapi, kepada pengguna yang mempunyai alahan dan sensitif terhadap sesetengah aditif makanan akan menggunakan pelabelan makanan sepenuhnya untuk mengetahui samada makanan tersebut mengandungi aditif makanan yang berkaitan. Menurut Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (2009), aditif makanan yang dibenarkan oleh Peraturan-Peraturan 1985 berada dalam mana-mana ramuan yang digunakan dalam pengilangan makanan tersebut dan kadar aditif dalam mana-mana ramuan tersebut tidak melebihi kadar maksimum hendaklah ditulis pada label pemakanan. Perkataan-perkataan nama kimia aditif makanan itu sebagai yang dibenarkan dengan syarat bahawa hal bahan pewarna atau bahan perisa adalah mencukupi untuk menyatakan nama biasa atau nama sebutan sebenar aditif makanan tersebut sebagai ganti nama kimianya.

2.1.1 Faedah kepada pengguna

Setiap hari, pengguna mendengar semakin banyak mengenai kepentingan diet dan pemakanan di dalam mengekalkan kesihatan yang baik bagi mengelakkan penyakit. Kesedaran mereka yang meningkat digambarkan di dalam perubahan tabiat membeli-belah mereka. Pengguna sekarang lebih peka dalam memilih produk yang berkualiti dan mempunyai nilai pemakanan (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005).

Label pemakanan yang tepat akan menyampaikan maklumat pemakanan yang betul kepada pengguna dan membenarkan mereka untuk membezakan nilai pemakanan bagi produk yang sama. Ini akan membantu mereka dalam membuat pilihan yang bijak berdasarkan nilai pemakanan. Ini juga akan memperkuuhkan aktiviti pendidikan pemakanan oleh Kementerian, di mana pengguna mempraktikkan prinsip pemakanan semasa memilih makanan dan merancang waktu makan (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005).

Menurut Rumble *et al.* (2003), segala maklumat yang dipamerkan pada label pemakanan yang mengisyiharkan kandungan nutrien, ialah pelabelan nutrisi. Maklumat nutrisi atau label boleh didapati pada bahagian sisi atau belakang bungkusan produk makanan tersebut. Sebelum ini dikenali sebagai "Maklumat Nutrisi satu hidangan" sehingga 8 Mei, 1994, label nutrisi telah dikenali sebagai "Maklumat Pemakanan" (Fisher, 2003). Di Malaysia, penggunaan terma "Maklumat Pemakanan" telah digunakan. Pelabelan nutrisi menyediakan maklumat yang secukupnya, berguna dan tepat.

Perlabelan ini mempamerkan saiz per hidangan dan berapa banyak hidangan terdapat dalam satu bungkusan produk makanan tersebut (Nutrition Society of Malaysia, 2002) .Maklumat lain seperti tenaga, protein, karbohidrat dan lemak juga turut diisyiharkan. Sebagai tambahan, jumlah gula mestilah diisyiharkan bagi minuman yang sedia diminum termasuklah minuman ringan, jus buah dan sayur yang sedia diminum, susu malt dan susu berperisa yang sedia diminum. Ini tidak termasuk minuman beralkohol (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005) dimana semua maklumat ini adalah dikategorikan dalam perlabelan nutrisi (Rajah 2.1).

Pelabelan Pemakanan menyediakan maklumat nutrien kepada para pengguna, oleh itu membolehkan pengguna membuat pilihan terhadap diet makanan sihat dan mengelakkan mengambil produk yang mengelirukan (Rumble *et al.*, 2003). Senarai nutrien yang diisyiharkan memberikan bukti bahawa nutrien

tersebut terkandung dalam produk makanan tersebut dengan menyatakan jumlah nutrien tersebut, ini juga menggalakan pengeluar makanan untuk menghasilkan makanan yang lebih berkhasiat (Hawkes, 2004).

Maklumat bagi nilai tenaga perlu dinyatakan sebagai kkal (kilokalori) bagi setiap 100g atau bagi setiap 100 ml makanan atau bagi setiap bungkus jika bungkus itu hanya mengandungi satu hidangan. Sebagai tambahan, nilai tenaga juga hendaklah diberikan bagi setiap hidangan makanan sebagaimana yang dinyatakan kuantitinya pada label. Di samping kkal, nilai tenaga juga boleh dinyatakan sebagai kJ. Jumlah protein, karbohidrat dan lemak hendaklah dinyatakan sebagai g bagi setiap 100 g atau setiap 100 ml makanan atau setiap bungkus jika bungkus itu hanya mengandungi satu hidangan (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005).

Penggunaan unit dan tempat perpuluhan bagi setiap nutrien hendaklah mengikut contoh di dalam format sampel. Tiada tempat perpuluhan bagi tenaga, dan 1 tempat perpuluhan bagi karbohidrat, gula, protein dan lemak. Jika kandungan mana-mana nutrien di atas adalah kurang daripada 0.05 g, ia mestilah dilabelkan sebagai kosong (0) dan mesti diisytiharkan pada label.

Penggunaan "Jumlah Gula" hanya untuk minuman sedia diminum. Jumlah gula merujuk kepada semua monosakarida dan disalarida yang terkandung di dalam minuman. Kandungan tenaga di dalam makanan diperolehi dengan menjumlahkan kandungan tenaga bagi setiap nutrien individu, dikira menggunakan faktor tertentu (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005). Menurut FDA, saiz hidangan hendaklah dinyatakan dalam bentuk terma dan ukuran metrik. Ini akan mengambarkan jumlah makanan yang di makan oleh pengguna (Fisher, 2003).

Dengan adanya pindaan kepada peraturan, industri akan mendapati bahawa melaksanakan pelabelan dan akuan pemakanan sewajarnya akan memberi faedah kepada aktiviti perdagangan dan meningkatkan persaingan di pasaran. Peraturan pelabelan makanan dapat memberi faedah kepada industri dengan menjadi alat komunikasi berkesan. Pelabelan nutrisi merupakan kaedah jualan yang paling mudah bagi pengeluar makanan untuk membekalkan maklumat tentang produk mereka. Dengan format yang standard dan mudah dibaca, para pengguna mampu memahami dengan jelas kandungannya dan menilai kualiti setiap produk sebelum membuat pembelian (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005).

Selain itu, pelabelan nutrisi juga menjadi pemangkin bagi promosi jualan dan pemasaran. Apabila pengeluar mengetahui jenis akuan pemakanan yang dibenarkan, mereka boleh membuat akuan yang munasabah dan bertanggungjawab bagi produk mereka. Akuan ini menjadi pemangkin bagi aktiviti promosi, seperti kempen pemakanan dan kesihatan. Program seperti ini berguna kepada pengguna kerana mereka menjadi lebih prihatin terhadap kesihatan dan diet mereka (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005).

Melalui pelabelan nutrisi, pengeluar boleh menyerlahkan kualiti pemakanan produk mereka dan membantu para pengguna membezakan produk mereka daripada pesaing. Tambahan pula, dengan peningkatan pengetahuan oleh pengguna mengenai pemakanan dan makan secara sihat, mereka inginkan kepastian bahawa produk yang mereka beli mempunyai nilai pemakanan yang baik. Selain itu, pelabelan nutrisi juga dapat meningkatkan peluang perdagangan antarabangsa (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2005).

Kementerian kesihatan telah menjalankan suatu siri kempen kesihatan untuk mendidik orang ramai mengenai penyakit kronik berkaitan diet, seperti diabetes dan penyakit jantung. Hasilnya tahap kesedaran kesihatan di kalangan

RUJUKAN

- Abbott, R. 1997. Food and Nutritiom information : A Study of sources, uses, and understanding. *British Food Journal* .**99**: 43-49
- ACNielsen, 2005a. The Label-conscious. Global shopper (online) [http://www.merchandisegroup.com/merchandise/newsletter,.](http://www.merchandisegroup.com/merchandise/newsletter,) Accessed date: 8 September 2005
- ACNielsen, 2005b. Consumer attitudes towards nutritional labeling. Global online consumer survey. (online) <http://acnielsen.com.news.asp?newsID=154,> Accessed date:8 September 2005.
- Ajzen, I. 1988. Attitudes, Personality and Behavior. Great Britain: Open University Press.
- Akta makanan 1983 dan peraturan-peraturan 1985. Kuala Lumpur: MDC Penerbit Pencetak Sdn. Bhd.
- Aldrich, L. 1999. *Consumer Use of Information: Implications for Food Policy*. United State : Agriculture Handbook, Economic. Research Service-USDA, Adh-715. 1-7.
- Alfieri, L. & Byrd- Brenner, C. 2000. Assessing The performance of Women on Nutritional Labelling Tasks. *American Journal of Health Studies*. **16** (3) : 113-123.
- Asia Food Information Centre (AFIC). 2006. Survey of Consumer Responses to Front-of-pack Nutrition and Health Information in China and Malaysia.
- Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan. 2005. *Panduan Pelabelan dan Akuan Pemakanan*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Baltas, G. 2001. Nutrition Labeling: Issues And Policies. *European Journal Of Marketing*. **35**:708-721.
- Bender, E. & Newell, G.K. 1992. Prevelence of reading nutrition and ingredient information on food labels: 1982-1988. *Journal of Nutrition Education*. **24**: 292-297.

- Bender, M.M & Derby, B.M. 1992. Prevalence of reading nutrition and ingredient information on food labels among adult Americans: 1982-1988. *Journal of Nutrition Education*. **24**: 296-297
- Blisard, N. & Blaylock, I. 1993. *U.S Demand for Food: Household Expenditures, Demographic, and Projections for 1999-2010* U.S Department of Agriculture, Economic Research Service, TB1818.
- Bohner, G. & Wanke, M. 2002. Attitudes and Attitude Change. UK: Psychology Press.
- Bowman, S.A. 2005. Food Shoppers nutrition attitudes and relationship to dietary and lifestyle practices. *Nutrition Research* **25** (3): 281-293.
- Burton, S. Andrews, J.C, 1996. Age, product nutrition, and label format effects on consumer perceptions and product evaluations. *Journal of Consumer Affairs* **30**(1): 68-89.
- Byrd-Brenner, C. 2000. The Ability of College Women Aged 17-25 to Perform Tasks Using Nutrition Facts Labels. *The International Electronic Journal of Health Education*. **3**(2): 97-106
- Byrd-Brenner, C. Alfieri, L. & Kiefer, L. 2000a. The Nutrition Label Knowledge and Usage Behaviors of Women in the US. *British Nutrition Foundation Bulletin*. **25**: 315-322
- Chua Y.P. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku Satu*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn.Bhd.
- Coakes, S.J., Steed, L.G. 2003. *SPSS: Analysis without Anguish-Version 11.0 for Windows*. New South Wales: Wiley.
- Cole, C.A. & Balasubramaniam, S.K. 1993. Age differences in consumers' search for information: public policy implications. *Journal of Consumer Research*. **20**: 157-169.
- Corrina, H. 2004. Nutrition Labels and Health Claims: The Regulatory environment. France: WHO Library Cataloguing-in-publication Data.
<http://whqlibdoc.who.int/publications/2004/9241591714.pdf>.

Coulson, N.S. 2000. An Application of the stages of change model to consumer use of food label. *British Food Journal*. **102**: 661-668.

Coulson, N.S. 2000. An application of the stages of change model to consumer use of food label. *British Food Journal*. **102**:661-668

Cowburn, G. & Stockley, L. 2004. Consumer Understanding and Use of Nutrition Labelling: A Systematic Review. *Public Health Review Nutrition*. **8**(1):21-28.

Drichoutis, A. C., Lazaridis, P. & Nagya, Jr,R. M. 2005a. Nutrition Knowledge and Consumer Use of Nutritional Food Labels. *European Review of Agriculture Economics*. **32**(1): 93-118.

Drichoutis, A. C., Lazaridis, P. & Nagya, Jr,R. M. 2005b. Who Is Looking for Nutritional Food Labels? *Eurochoices*. **4**(1): 18-23.

Drichoutis, A. C., Lazaridis, P. & Nagya, Jr,R. M. 2006. Consumers' Use of Nutritional Labels: A review of research Studies and Issues. *Academy of Marketing Science Review*. **2006**(9).

Eikenberry, N., Smith, C. 2004. Healthful eating: perceptions, motivations, barriers, and promoters in low-income Minnesota communities. *Journal of The American Dietetic Association* **104**: 1158-1161.

Fisher, H.S. 2003. Nutrition, A key to guide Health. The Gale Group, Inc. 67-88.
Govidansamy.R, Italia, J. (1999). *Evaluating Consumer Usage of Nutritional Labelling: The Influence of Socio-economic Characteristics*. New Brunswick, NJ: Rutgers, The State University of New Jersey.

Gracia, A. Loureiro, M. & Nayga Jr, R. M 2007. Do consumers Perceive Benefits From The Implementation of a EU Mandatory Nutritional Labelling Program? *Food Policy*. Elsevier Inc. **32** : 160-174.

Grunert K.G., Wills J. M. 2007. A Review of European Research on Consumer Response for Qualified Health Claims. *Critical Reviews in Food Science and Nutrition*. **48**: 248-256.

Grunert, K. G. & Wills, J. M. 2007. A Review of European Research on Consumer Response to Nutrition Information on Food Labels. *Journal of Public Health*. **15**:385-399

Guthrie, J.F., Fox J.J Cleveland, L.E., Welsh, S. 1995. Who uses nutrition Labelling, and what affects does label use have on diet quality? *Journal of Nutrition Education* **27**(4): 163-172.

Guthrie, J.F., Derby., B.M., & Levy, A.S. 1999. *What people know and do not know about nutrition*. USDA/ERS: 243-280.

Hawkes, C. 2004. *Nutrition labels and Health Claims: The global regulatory environment*. Switzerland : World Health Organization (WHO).

Higginson, C. S., Rayner, M. J., Draper, S. & Kirk, T. R. How do Consumers use Nutrition Label Information?. 2002b. *Nutrition and Food Science*. MCB UP Ltd. **32** (4): 145-152.

Higginson, C. S., Rayner, M. J., Draper, S. & Kirk, T. R. The Nutrition Label- Which Information Is Look At? 2002a. *Nutrition and Food Science*. MCB UP Ltd. **32** (30): 92—99.

Ippolito,P. & Mathios, A.D. 1993. New Food Labelling and regulations and the flow of nutrition information to consumers. *Journal of Public Policy and Marketing* **10**: 188-205

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah. 2008.Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2007. Kota Kinabalu : Keningau Sdn.Bhd.

Jordan Lin, C.T., Lee, J.Y., Yen, Steven T. 2004. Do Dietary Intakes affect search for nutrient information on food labels? *Social Science & Medicine* **59** (9):1955-1967.

Kementerian kesihatan Malaysia. 2005. *Dasar pemakanan kesihatan Malaysia*. Kim, S.Y., Nayga, R. M & Capps, O. 2001. Health Knowledge and Consumer Use of Nutrition Labels: The Issue Revisited. *Agricultural and Resource Economics Review*. **30** (1) : 10-19.

Klopp, P. & McDonald., M. 1981. Nutrition Labels: an exploratory study of consumer reasons for nonuse. *Jornal of Consumer Affairs*. **15**: 301-316.

Leslie de Chernatony. 1991. Facilitating consumer choice decisions: The importance of branding cues. *British Food Journal*. **93**: 50-56.

Levy, A. 1995. *Food Label Health Claims Focus Group Report : Executive Sumarry*. Washington, DC: Food And Drug Admininstration, Centre for Food Safety and Applied Nutrition, Division of Market Studies.

Lin, C.T., Lee, J.Y., Yen, Steven T. 2004. Do Dietary Intakes affect search for nutrient information on food labels? *Social Science & Medicine* **59** (9):1955-1967.

Mannell, A., Brevard. P., Nagya, R., Combris. P., Lee, R. & Gloeckner, J. 2006. *French Consumers' Use of Nutrition Labels*. *Nutrition & Food Science*. Emerald Group Publishing Limited. **36**(3): 159-168.

Marietta, A. B., Welshimer,K. J. & Anderson, S.L. 1999. Knowledge, Attitudes, and Behaviours of College Students Regarding the 1990 Nutrition Labelling Education Act Food Labels. *Journal of The American Dietetic Association*. Elsevier Inc. **99**(4):445-449.

Marion, N., Rena, W., Leann, B., Lorelei, D., Adam, d., suzette, M., Madeleine, S.g., Jeffery, S.,Mary, W.& Christina, E. 1998. Behavioral and social influences on food choice. *Nutrition Reviews*. **56**: S50-S57.

McLean-Meyinsse, P.E. 2001. An Analysis of Nutritional Label Use in the Southern United States. *Journal of Food Distribution Research*. **32**(1):110-114.

Misra, R. M. 2000. Consumers' Perception About The Reliability of nutrient content claims on food labels. *Journal of Internatinal Food & Agribusiness Marketing*. **11**(1): 43-55.

Moorman, C. & Matulich, E. 1993. Amodel of consumers' preventive health behaviours: The role of health motivation and health ability. *Journal of Consumer Research*. **30**:208-228.

Nayga, R. M. 2000. Nutritional Knowledge, Gender and Food Label Use. *Journal of Consumer Affairs*. **34**(1): 97-112.

Nayga, R.M. 1996. Determinants of Consumers' Use of Nutritional Information on Food Packages. *Journal of Agricultural and Applied Economics. Southern Agricultural Economics Association.* 28(2):303-312.

Neuhouser, M.L., Kristal, A. R. & Patterson, R.E. 1999. Use of Food Nutrition Labels Is Associated With Lower Fat Intake. *Journal of the American Dietetic Association.* 99(1): 45-50,53.

Nutrition Society of Malaysia (NSM). 2002. The Sun: Food labels may not tell all- Feb 27, 2000. *NutriWeb Malaysia.* (online) <http://nutriweb.org.my/>.

Ottaway P.B. 2003. Food Labelling; *Encyclopedia of food science and Nutrition.* Hereford, UK: Berry Ottaway & Associates Ltd.

Paterson, D., Zappelli, R., and Chalmers, A. 2001. *Food Labelling Issues – Consumer qualitative research.* Donovan Research, ed. Canberra: Ausltrialiad and New Zealand Food Standard.

Perner, L. 2008. Consumer Behaviour: The Psychology of Marketing. Los Angeles: University of Southern California. <http://www.consumerpsychologist.com>.

Persatuan Pemakanan Malaysia, Persatuan Dietatian Malaysia, Persatuan Kajian Obesity Malaysia. 2008. *Bulan Pemakanan Sihat Malaysia '08.* http://www.nutriweb.org.my/downloads/nmm_press supplement_bm.pdf

Persatuan Pengguna Pulau Pinang. 2002. *Makanan Berbahaya: Panduan CAP Mengenai Bahaya Tersembunyi Dalam Makanan.* Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.

Prathirija P.H.K., Ariyawardana, A. 2003. Impact of Nutritional Labelling on Consumer Buying Behavior. *Sri Lankan Journal of Agricultural Economics.* 5(1): 35-46.

Rodolfo, M. & Nayga, Jr. 1999. Toward an understanding of consumers' perceptions of food labels. *International Food and Agribusiness Management Review.* 2: 29-45

Rumble, T., Wallace, A., Deeps, C., MCVay, K., Curran, M., Allen. J., Stafford, J., and O'Sullivan, A. 2003. *New food labeling initiatives in Australia and New Zealand*. *Food Control*. **14**(6): 417-427.

Schmidt, J.B & Spreng, R.A. 1996. A Proposed model of external consumer information search. *Journal of the Academy of Marketing Research*. **24**: 246-256.

Senesi, S.I., Naytga, R.M. Jr., Gomez. G., Palau. H., Ordonez. H.A., (2006). Nutrition Labels: A Review of Research Studies and Issues. *Academy of Marketing Science* . No.9

Shannon, B. 1994. Nutrition labeling, putting the consumer first. *British Food Journal*. **96**:40-44.

Shine, A., O'Reilly, S. & O'Sullivan, K. 1997a. Consumer Attitudes to Nutrition Labelling. *British Food Journal*. MCB UP Ltd. 99(8): 283-289

Siu, W.S. & Tsoi, T.M.Y. 1998. Nutrition Label Usage of Chinese Consumers. *British Food Journal*. MCB UP Ltd. **100**(1):25-29.

Tee.E.S. 2007. Labelling Nutrition. Nutriscience. The Star Online. <http://thestar.com.my/health/story.asp?file=/2007/12/23/health/19827896&sec=health>.

Tood, J.E. & Variyam, J.N. 2008. The Decline in Consumer Use of Food Nutrition Labels 1995-2006. United States Department Of Agriculture.

Variyam, J.N., Blaylock, J.& Smallwood, D. 1998. Information effects of nutrient intake determinants on cholesterol consumption. *Journal of Agricultural and Resource economics*. **23**: 110-125.

Vincent, W. M. 1999. Marketing causes and implications of consumer confusion. *The Journal of Product & Brand Management*. **8**:319-342.

Widdowson, L., and Holben, D. 1997. Elementary School students benefits from food labeling education. *Journal of the American dietetic Association* **97**(9): A114.

Wyn, T.B., Boaz, A., and Rayner. M. 1997. Food Labelling and healthy food Choices. UK: British Heart Foundation Health Promotion Research Group.

Zarskin, G.A & Anderson, D.W. 1992. Consumer utilization of food labeling, *Journal of Consumer Affairs*. **29**: 368-380.